**AMALAN DAN KAEDAH:**

Amalan 1

a. MEMBACA ISTIGHFAR

Surah Al  Anbiya ayat 87

لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبۡحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٨٧

**Maksudnya**

*"Tiada Tuhan melainkan Engkau (Allah) Maha Suci Engkau sesungguhnya aku dari orang yang zalim."*

Doa yang bersifat mengakui kezaliman diri sendiri istiharkan kesalahan diri di hadapan Allah dengan mengharapkan keampunanNya. Berzikir dengan menyebut Nama Allah yang bersifat penyembuh, pemberi kesembuhan, pemberi kesihatan. Berzikir dengan bilangan sebanyak mungkin dengan rasa menyesal kerana perbuatan maksiat dan dosa-dosa lain.

Hak milik cipta © 2008 Perniagaan Qurba Sdn. Bhd.

Amalan 2

b. MEMBACA SELAWAT

**Membaca Selawat Syifa** (penyembuhan penyakit)

Maksud:

Ya Allah, Berilah rahmat ke atas penghulu kami, Muhammbad SAW yang menyembuhkan hati hati, penawarnya dan kesejahteraan badan, kesembuhan, juga cahaya penglihatan dan berilah rahmat keberkatan dan kesejahteraan atas keluarga dan sahabatnya.

**Membaca selawat Tafrijiyyah** (Selawat merungkaikan kebuntuan penyakit dan masalah)

Maksud:

Ya Allah anugerahkan rahmat dan kesejahteraan yang sempurna ke atas peghulu kami Nabi Muhammad SAW yang dengan berkatnya terhurai ape yang tersimpul, terlepas dari segala kesusahan juga ditunaikan segala hajat dan tercapai segala keinginan, dan akhir hayat yang baik, dan dicurahkan rahmat, hasil keberkatan wajahnya yang mulia, kerahmatan dan kerahmatan yang sempurna. Engkau anugerahkan juga YA Allah, ke atas keluarga dan sahabatnya dengan kiraan setiap kerdipan mata, juga hembusan nafas dan setiap bilangan ilmu yang ada bagi Mu.

Baca selawat tersebut diatas dan dengan doa supaya Allah SWT mengampun dosa dan menyembuhkan penyakit dan permasaalan yang dihadapi.

Hak milik cipta © 2008 Perniagaan Qurba Sdn. Bhd.

Amalan 3

c. Amalan membaca rangkaian surah surah khusus melibatkan amalan untuk menguatkan ruh jiwa ruhani serta mengubati penyakit dan masaalah yang dihadapi.

1. Baca Niat

Niatnya ialah *"Ya Allah Ya Tuhanku aku nak beramal dengan Selawat Nabi SAW, Surah Al Fatihah, Ayat Kursi, Surah Al Ikhlas, Surah Al Falaq dan Surah An Nas sebanyak 7 kali setiap satu daripadanya selepas sembahyang 5 waktu selama seminggu untuk dihayati sebagai."*

a. Ibadah mendekatkan diriku pada Engkau Ya Allah
b. Mendekatkan diri aku kepada hikmat dan kelebihan ayat ayat tersebut
c. Menguatkan ruh jiwa ruhani aku
d. Mempertahan diri aku dari sebarang bisikan, gangguan, godaan sama ada dari jin, syaitan, iblis, sihir, saka, perbuatan jahat manusia (ilmu hitam) dan seumpamanya
e. Mengubati penyakit yang aku alami serta penyakit keluargaku (anak, suami, isteri)
f. Menambahkan rezeki, meninggikan kasih sayang keluarga dan suami isteri
g. Boleh dimuatkan apa sahaja yang kita hajatkan yang tidak bercanggah dengan syariah Agama
h. Amin – yarabul alamin.

Hak milik cipta © 2008 Perniagaan Qurba Sdn. Bhd.

i. Setelah itu baca:
   - Selawat (7 kali)
   - Surah al-Fatihah (7 kali)
   - Ayat al-Kursi (7 kali)
   - Surah an-Nas ( 7 kali)
   - Surah al-Falaq ( 7 kali)
   - Surah al-Ikhlas (7 kali)

Hak milik cipta © 2008 Perniagaan Qurba Sdn. Bhd.

Amalan 4

d. Senaman & Pergerakan Khusus

1. Solat Tahjud di jauh malam ialah manifestasi, meditasi untuk memulihkan penyakit darah tinggi dan kencing manis.
   Boleh membaca doa yang lazim dan di tambahkan dengan doa ia itu permintaan dan harapan kita kepada Allah SWT untuk menyembuhkan penyakit itu.

2. Kita disarankan membaca Bismillah 5 seperti dibawah:

   - Bismillah hirrahman nir rahim - Maksud Dengan nama Allah maha pemurah maha pengasih
   - Bismillah hirrahman nir rahim - Maksud Dengan nama Allah yang menyembuhkan
   - Bismillah hirrahman nir rahim - Maksud Dengan nama Allah yang mencukupi
   - Bismillah hirrahman nir rahim - Maksud Dengan nama Allah yang memberi kesejahteraan
   - Bismillah hirrahman nir rahim - Maksud Dengan nama Allah yang tidak memberi Mudarat sesuatu di bumi di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha mengetahui.

3. Amalan meditasi seperti ini juga boleh di amalkan untuk penyakit penyakit yang lain seperti di racun atau ketika badan kurang sihat.

Hak milik cipta © 2008 Perniagaan Qurba Sdn. Bhd.